

TERMA & SYARAT KAD KREDIT HONG LEONG BANK ESSENTIAL (English Version)

Dikemas Kini 5 Ogos 2026

Terma dan Syarat Kad Kredit Hong Leong Bank Essential ("**T&S**") ini hendaklah dibaca bersama Perjanjian Pemegang Kad ("**Perjanjian**") Hong Leong Bank Berhad ("**HLB**"). Selain daripada variasi seperti dinyatakan di bawah, semua terma dan syarat Perjanjian hendaklah diterima pakai. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau ketidakselarasan antara terma dan syarat Perjanjian dengan T&S ini, T&S ini hendaklah diutamakan setakat mana yang berkenaan kepada Kad Kredit Hong Leong Essential ("**Kad Essential**"). Dengan menerima Kad Essential ini, Pemegang Kad (seperti yang ditakrifkan di sini) bersetuju untuk terikat dengan T&S ini dan terma dan syarat Perjanjian.

1. Definisi

- (a) "**Akaun Kad**" bermaksud akaun Pemegang Kad berkenaan dengan Kad Essential dengan HLB.
- (b) "**Pemegang Kad**" bermaksud individu yang namanya tertera pada Kad Essential sama ada "**Pemegang Kad Utama**" dan/atau "**Pemegang Kad Tambahan**" melainkan dinyatakan sebaliknya.
- (c) "**HLB Connect App**" bermaksud Perbankan Mudah Alih Hong Leong Connect.
- (d) "**Transaksi QR Pay**" bermaksud transaksi runcit dibuat melalui *HLB Connect App* menggunakan *HLB QR Pay*.
- (e) "**Penyata**" bermaksud penyata berkala yang dikeluarkan oleh HLB kepada Pemegang Kad berhubung dengan Akaun Kad yang menunjukkan jumlah baki, sebarang caj kewangan, yuran, caj, jumlah minimum yang perlu dibayar dan tarikh akhir pembayaran.

2. Pulangan Tunai

Kad Essential memperoleh sehingga 1% Pulangan Tunai atas semua Transaksi Yang Layak (seperti ditakrif di bawah).

- (a) Perolehan Pulangan Tunai masing-masing adalah berdasarkan Transaksi Yang Layak yang dipaparkan dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1

Transaksi Yang Layak	Kod Kategori Peniaga (MCC), Peniaga dan/atau Transaksi Yang Layak	Jumlah Perbelanjaan Bulanan (Transaksi Layak Diposkan) & Kelayakan Pulangan Tunai		Had Bulanan
		RM3,000 dan ke bawah	RM3,000 ke atas	
Insurans	MCC: 5960/6300 Contoh Peniaga: Hong Leong Assurance (HLA), AIG, Great Eastern	0.50% pulangan tunai	0.50% pulangan tunai	Tanpa Had

	dll.			
Perbelanjaan Runcit	MCC: 5309/5311/5611/5621/5631/5641/5651/5655/5661/5691/5699/5977 – Kedai Pakaian dan Aksesori, dan/atau Gedung Serbaneka dll. Contoh Peniaga: Adidas, Isetan, Zara, Nike dll.	0.50% pulangan tunai	1.00% pulangan tunai	
Pelancongan	MCC: 3000 to 3299/3501 to 3999/4511/4722 to 4723/7011 - Penerbangan, Penginapan, Agensi Pelancongan dan Operasi Pelancongan dll. Contoh Peniaga: Agoda, Trip.com, Malaysia Airlines, Klook dll.	0.50% pulangan tunai	1.00% pulangan tunai	
Perbelanjaan Lain	Mana-mana Kod Kategori Peniaga (MCC), Peniaga dan/atau Transaksi Yang Layak yang lain.	0.20% pulangan tunai	0.20% pulangan tunai	

(b) **“Transaksi Yang Layak”** bermakna transaksi runcit yang dinyatakan dalam Jadual 1 di atas yang termasuk pembelian barangan atau perkhidmatan di dalam atau luar negara yang telah dilakukan atau dicaj kepada Kad Essential. Senarai ini tidak menyeluruh tetapi hendaklah MENGEQUALIKAN:

1. semua transaksi Kerajaan, JomPAY dan/atau FPX;
2. Pendahuluan Tunai;
3. Kuasi Tunai (transaksi berkaitan pertaruhan dan perjudian);
4. *Quick Cash* (“**QC**”);
5. *Quick Cash One-Time Fee* (“**QC OTF**”);
6. Pelan Bayaran Fleksi (“**FPP**”);
7. Pindahan Baki (“**BT**”);
8. Caj Kewangan, Caj Lewat, Bayaran Fi Tahunan;
9. *DuitNow AutoDebit*; dan
10. Transaksi QR Pay melalui *HLB Connect App*.

(c) Pulangan Tunai akan dikreditkan dan dipaparkan dalam Penyata bulanan Pemegang Kad

pada setiap kitaran bil/tarikh penyata.

- (d) Pulangan Tunai akan dikira pada akhir setiap kitaran bil/penyata. Pulangan Tunai terkumpul akan dipos ke dalam Penyata bulanan Pemegang Kad. Kredit Pulangan Tunai akan digunakan untuk menjelaskan apa-apa baki tertunggak dalam Akaun Kad. Bagi mengelakkan keraguan, apa-apa Pulangan Tunai yang perlu dibayar kepada Pemegang Kad akan dipos ke dalam Akaun Kad dan dipaparkan dalam Penyata Pemegang Kad bagi bulan berkenaan. Sekiranya Pulangan Tunai yang perlu dibayar kepada Pemegang Kad jatuh pada tarikh Penyata Pemegang Kad, maka Pulangan Tunai tersebut hanya akan dipaparkan dalam Penyata Pemegang Kad pada bulan berikutnya. Sekiranya Penyata Pemegang Kad adalah pada hari ketiga puluh satu (31) bulan berkenaan, Pulangan Tunai hanya akan dipaparkan dalam Penyata Pemegang Kad setiap dua (2) bulan sekali.
- (e) HLB berhak apabila diperlukan, dengan notis awal, untuk meminda peratusan Pulangan Tunai menurut budi bicaranya.
- (f) Ilustrasi Pulangan Tunai untuk perbelanjaan bulanan melebihi RM3,000 untuk Transaksi Yang Layak disediakan di bawah dalam Jadual 2:

Jadual 2

Transaksi Yang Layak	Jumlah Perbelanjaan Bulanan (RM)	Jumlah Perbelanjaan Layak (RM)	Pengiraan Pulangan Tunai (RM)	Jumlah Pulangan Tunai (RM)
Insurans	1,000	1,000	$1,000 \times 0.5\% = \text{RM}5$	5.00
Perbelanjaan Runcit	600	600	$600 \times 1\% = \text{RM}6$	6.00
Perbelanjaan Pelancongan (contoh: Agoda dll.)	1,000	1,000	$1,000 \times 1\% = \text{RM}10$	10.00
JomPAY	200	Tidak Layak	Tidak Berkenaan	0.00
Perbelanjaan Lain (Jamu Selera, Barangan Runcit, Petrol dll)	600	600	$600 \times 0.2\% = \text{RM}1.20$	1.20
Perbelanjaan Layak Bulanan	3,400	3,200		22.20

Untuk kejelasan, transaksi JomPay tidak layak untuk Pulangan Tunai seperti yang ditetapkan di bawah Klausa 2(b) di atas.

- (g) Ilustrasi Pulangan Tunai untuk perbelanjaan bulanan di bawah RM3,000 untuk Transaksi Yang Layak disediakan di bawah dalam Jadual 3:

Jadual 3

Transaksi Yang Layak	Jumlah Perbelanjaan Bulanan (RM)	Jumlah Perbelanjaan Layak (RM)	Pengiraan Pulangan Tunai (RM)	Jumlah Pulangan Tunai (RM)
Insurans	500	500	$500 \times 0.5\% = \text{RM}2.50$	2.50
Perbelanjaan Runcit	500	500	$500 \times 0.5\% = \text{RM}2.50$	2.50
Perbelanjaan Pelancongan (contoh: Agoda dll)	600	600	$600 \times 0.5\% = \text{RM}3$	3.00
JomPAY	200	Tidak Layak	Tidak Berkenaan	0.00
Perbelanjaan Lain (Jamu Selera, Barangan Runcit, Petrol dll)	600	600	$600 \times 0.2\% = \text{RM}1.20$	1.20
Perbelanjaan Layak Bulanan	2,400	2,200		9.20

Untuk kejelasan, transaksi JomPay tidak layak untuk Pulangan Tunai seperti yang ditetapkan di bawah Klausa 2(b) di atas.

3. Fi Tahunan

Fi Tahunan akan dikenakan seperti berikut:

Pemegang Kad Utama*	RM100
Pemegang Kad Tambahan*	RM50

*Tertakluk kepada Cukai Kerajaan, jika berkenaan

Fi tahunan akan dikecualikan apabila Pemegang Kad menggunakan Kad Essential dengan perbelanjaan runcit minimum Ringgit Malaysia Lapan Ribu (RM 8,000) dalam tahun ulang tahun, untuk Pemegang Kad Utama dan Tambahan secara individu. Untuk mengelakkan keraguan, semua transaksi berkaitan kerajaan dan/atau JomPAY akan dimasukkan dalam pengiraan perbelanjaan runcit tahunan anda; namun, transaksi tersebut tidak layak mendapat Pulangan Tunai.

4. Perubahan Ciri Produk

- HLB mungkin akan meminda, mengubah atau menukar mana-mana ciri produk bagi Kad Essential atau menarik balik Kad Essential apabila diperlukan, dengan memberi notis awal kepada Pemegang Kad.
- Seterusnya, HLB boleh menghantar surat terus kepada Pemegang Kad atau memaklumkan melalui media massa atau memaparkan notis di dewan perbankan HLB atau laman web HLB di www.hlb.com.my atau mana-mana kaedah yang dianggap praktikal oleh HLB bagi penambahan, pengubahsuaian atau pindaan ciri-ciri produk tersebut.
- Pemegang Kad dinasihatkan untuk memantau laman web HLB dan/atau laman web rakan kongsi yang berkaitan (jika berkenaan) secara berkala untuk sebarang kemas kini yang berkaitan dengan program Pulangan Tunai, termasuk apa-apa perubahan kepada terma dan

syarat yang terpakai kepadanya.

5. Tafsiran

- (a) Melainkan konteks menghendaki sebaliknya, perkataan dan ungkapan yang berhuruf besar mempunyai pengertian yang sama seperti mana ditakrif dalam Perjanjian kecuali ditakrif secara khusus dalam T&S ini.
- (b) Perkataan yang merujuk jantina lelaki akan termasuk jantina perempuan dan/atau jantina neutral, dan begitu juga sebaliknya.
- (c) Perkataan yang merujuk bilangan tunggal akan termasuk bilangan jamak, dan begitu juga sebaliknya.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai terma dan syarat dan/atau memerlukan salinan terma dan syarat dalam versi Bahasa Malaysia, anda boleh mendapatkan penjelasan daripada kakitangan kami yang membantu anda. Sebagai alternatif, sila e-mel kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my atau hubungi 03-76268899.